

## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

### MALAYSIA

#### PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 18 TAHUN 1975<sup>1</sup>

#### PERUBAHAN TANGGAGAJI BAGI JAWATAN PEGAWAI LUAR DI JABATAN PENERANGAN, SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1975 tanggagaji Pegawai Luar di Jabatan Penerangan adalah diubah seperti berikut:

Pegawai Luar	Tanggagaji Sekarang	Tanggagaji Baru
Tingkatan Biasa	\$275 × 25-500	Tingkatan Biasa \$275 × 25-325/ Sekatan Percubaan/ 350 × 25-725
Penyandang ...	\$220 × 15-250/ 275 × 25-600	
Penyandang ...	\$325 × 25-625	
Tingkatan Khas	\$550 × 30-700	Tingkatan Khas \$600 × 25-800
Penyandang ...	\$350 × 25-800	

#### Pemindahan Gaji

2. Pemindahan gaji adalah seperti yang dilampirkan di Lampiran A, A1, A2, A3 dan A4.

#### Tarikh Kenaikan Gaji:

3. Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam keadaan di mana dua matagaji atau lebih berpindah ke satu mata-gaji atas tanggagaji baru. Walau bagaimanapun mereka-mereka yang berada di atas matagaji yang tertinggi sekali atas tanggagaji sekarang selama satu tahun atau lebih pada atau sebelum 1hb Januari, 1975, maka tarikh kenaikan gaji adalah berubah kepada 1hb Februari, 1975. Rumusan perubahan tarikh kenaikan gaji adalah seperti dilampirkan di Lampiran B, B (i) dan B (ii).

#### Elaun Loghat

4. Kerajaan juga telah memutuskan bahawa Elaun Loghat akan dibayar kepada Pegawai Luar mulai daripada 1hb Januari, 1975 mengikut kadar dan syarat-syarat yang terdapat di dalam Sekim Perkhidmatan Penterjemah.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
BANGUNAN U.M.B.C.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR,  
21hb Ogos, 1975.

#### CATATAN:

<sup>1</sup> Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 mulai 31hb Mac, 1977.